KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Health, Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 2539
Web : www.moh.gov.my
Emel : pejabatksu@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.100-1/6/9 Jld. 7 (10)
Tarikh : 4 September 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PERINGATAN PEMATUHAN PUSAT TANGGUNGJAWAB TERHADAP TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat nombor rujukan KKM.100-1/6/9 Jld.5 (9) bertarikh 21 Ogos 2023 adalah berkaitan.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu kecuaian pegawai dalam menguruskan perolehan khususnya ketidakpatuhan kepada tatacara perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan garis panduan, arahan pentadbiran serta kawalan dalaman yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Kecuaian dan ketidakpatuhan ini telah menyebabkan tender terpaksa dibatalkan dan ditender semula sehingga mengakibatkan gangguan kepada bekalan dan perkhidmatan di fasiliti KKM. Kesan yang lebih besar adalah persepsi negatif pihak berkepentingan serta orang awam kepada Kementerian yang boleh mencemarkan imej Kerajaan.

3. Walaupun pihak Kementerian dari semasa ke semasa berusaha untuk memastikan proses perolehan dilaksanakan mengikut tatacara dan peraturan yang ditetapkan melalui sesi ceramah dan bengkel, surat pemakluman mengenai maklumat terkini proses perolehan dan surat peringatan termasuk juga surat teguran, namun kecuaian dan kesilapan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) masih lagi berlaku. Antara kecuaian dan kesilapan yang kerap berlaku dalam proses perolehan adalah seperti berikut:

3.1. Wajaran pemarkahan yang tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.2 dan PP/PK 5.1 khususnya wajaran elemen harga dalam pengiraan skor kewangan;

3.2. Kecuaian dan kesilapan dalam penyediaan spesifikasi tender serta penyediaan spesifikasi yang menjurus kepada sesuatu jenama;

3.3. Ketidakpatuhan dalam penyediaan spesifikasi, pematuhan dokumen tender dan kriteria penilaian berdasarkan kepada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian bagi tender tertentu seperti Perkhidmatan Kawalan Keselamatan;

3.4. Kesilapan dalam penetapan Harga Indikatif Jabatan (HIJ) yang tidak mengikut harga pasaran semasa dan tidak berpandukan kepada Perintah Gaji Minimum (PGM) yang berkuat kuasa seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian;

3.5. Kecuaian mematuhi PP/PK yang berkuat kuasa, Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) dan garis panduan perolehan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa;

3.6. Pelantikan Jawatankuasa Penyedia Spesifikasi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Penilaian Kewangan di luar kepakaran bidang pegawai tersebut; dan

3.7. Kesilapan pelaksanaan penilaian yang tidak selaras dengan spesifikasi dan skema pemarkahan yang telah ditetapkan.

4. Selain itu, Kementerian turut mendapati kecuaian PTJ dalam pengurusan perolehan bagi perkara-perkara yang sering mendapat teguran pihak audit seperti berikut:

4.1. Kelewatan menyedia dan menandatangani dokumen kontrak dalam tempoh masa empat (4) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan;

4.2. Pesanan Kerajaan tidak disediakan atau lewat dikeluarkan sehingga menyebabkan pembayaran dibuat melalui kaedah Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK);

4.3. Kelewatan mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh kontrak yang akan tamat kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM);

4.4. Pelaksanaan perolehan barangan import tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu; dan

4.5. Perolehan dibuat tanpa peruntukan yang mencukupi dan tidak mendapat kelulusan pindaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) serta tiada pengesahan peruntukan tambahan.

5. Sehubungan itu, semua PTJ diberikan **peringatan serius** untuk memastikan perkara-perkara tersebut tidak berulang lagi bagi perolehan akan datang. Sekiranya didapati kecuaian yang sama masih berlaku, **Surat Tunjuk Sebab (STS) akan dikeluarkan kepada pegawai yang menguruskan perolehan di peringkat PTJ**. Siasatan lanjut akan dijalankan dan jika didapati berlaku kecuaian yang menyebabkan pelanggaran terhadap peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan, **tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pegawai yang bertanggungjawab atas faktor kecuaian atau/dan gagal melaksanakan tanggungjawab**.

6. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah membuat pemantauan secara menyeluruh kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan tatacara dan peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa dipatuhi pada setiap masa. Selain itu, YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah memastikan semua pegawai yang terlibat dalam urusan perolehan di PTJ telah mengikuti kursus perolehan Kerajaan terutamanya pegawai baharu.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing dan memastikan semua PTJ sentiasa mematuhi tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa serta garis panduan dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Kementerian dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

KPK

TKSU (P)

TKSU (K)

SUB (P&P)

Ketua Audit Dalam

Ketua Unit Integriti

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Pergigian)

5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

7. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Sumber Manusia

9. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Kewangan

10. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Latihan

11. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Maklumat

12. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pembangunan Kompetensi

13. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Akaun

14. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

15. Setiausaha Bahagian Kanan
    Bahagian Pembangunan

16. Pengarah
    Bahagian Perancangan

17. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

18. Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (T/CM)

19. Pengarah
Bahagian Kejururawatan

20. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

21. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

22. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

23. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

24. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

25. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

26. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

27. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

28. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

29. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

30. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

31. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

32. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

33. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

34. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

35. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

36. Pengarah
Pusat Darah Negara

37. Pengarah
Institut Kanser Negara

38. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

39. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

40. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

41. Pengurus
Institut Kesihatan Negara